

06 JUL 1999

Kamaruddin-Pecat

BN KELANTAN ANGGAP PEMECATAN KAMARUDDIN WAJAR

KOTA BAHARU, 6 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kelantan menyifatkan pemecatan keanggotaan Ketua Umno Bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar dan Setiausaha bahagian itu Saufi Daud sebagai perkara yang wajar dibuat.

Setiausahanya, Datuk Mohamed Ariffin Abdul Hamid berkata tindakan Majlis Tertinggi Umno itu selaras dengan usaha "membersihkan" imej UMNO di bahagian berkenaan.

Mohamed Ariffin berkata anggota UMNO di bahagian berkenaan juga perlu menjaga kesejahteraan parti dan memberikan kerjasama penuh kepada pemangku ketua bahagian itu Mansor Salleh dalam menjalankan tugasnya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Naib Presiden Umno mengumumkan keputusan mesyuarat MT Umno yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi untuk memecat sembilan anggota UMNO termasuk Kamaruddin dan Saufi kerana terbabit membantu dan menyertai pembangkang.

Sementara itu, Mansor ketika mengadakan sidang berita di sini berkata pemecatan Kamaruddin, Saufi dan pemangku Setiausaha Umno Tumpat (sejak 1 Mei lepas) Mohamad Noor Yaakub tidak akan memecahkan perpaduan di kalangan anggota Umno di bahagian itu.

Katanya anggota Umno Bahagian Tumpat yang berjumlah 17,000 orang menyokong penuh pemecatan mereka dan berikrar akan terus berjuang bagi memastikan Umno dapat menawan kembali kerusi Dewan Undangan Negeri Pasir Pekan dan Kelaboran dalam bahagian itu pada pilihan raya umum akan datang.

"Segala program akan berjalan lancar termasuk memperkemaskan jentera parti untuk menghadapi pilihan raya" katanya.

Beliau berkata, sebelum ini usaha untuk menjalankan program di Bahagian Tumpat bersama rakyat terbantut ekoran tindakan Kamaruddin untuk bercuti sejak 1 Mei lepas.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kelantan Zahari Kechik berkata pergerakan itu menyambut baik keputusan itu dan beliau yakin ia tidak akan menjejaskan persediaan Umno Kelantan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Umno hanya mahukan pemimpin yang komited dengan parti serta memperjuangkan dasar-dasar parti kita," katanya di sini.

Beliau juga berkata semangat perjuangan Umno semakin baik dari peringkat Pemuda hinggalah veteran ekoran pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

-- BERNAMA

ZI ANM NMO